

TEKS UCAPAN
YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH
KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA
MALAYSIA
PADA
11 JANUARI 2017
(RABU)

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

**YBHRS TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)**

**YBHRS PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN**

**PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN
PEGAWAI DAN KAKITANGAN**

**TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT.**

PENDAHULUAN

ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN RAHMAT DAN INAYAHERNYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA BAGI BULAN JANUARI 2017 INI.

KETIDAKSTABILAN EKONOMI NEGARA

1. 2016 ADALAH TAHUN YANG MEMBAWA PELBAGAI CABARAN DI SERATA DUNIA DAN KETIDAKTENTUAN YANG DIALAMI MEMBAWA KESAN KEPADA KITA SEMUA. KETIDAKSTABILAN MATA WANG DAN PASARAN DUNIA MENYEBABKAN NEGARA MEMBANGUN TERMASUK MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGELAK TEMPIASNYA ANTARA LAIN KENAIKAN DOLAR AMERIKA SYARIKAT. IANYA SECARA LANGSUNG TURUT MEMBERI KESAN KEPADA PERTAMBAHAN KOS PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGARA BERBANDING UNJURAN BELANJAWAN ASAL TERMASUKLAH PROJEK-PROJEK LEBUH RAYA.

2. WALAUPUN BEGITU, KERAJAAN MASIH BERPEGANG TEGUH KEPADA KOMITMEN UNTUK MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH SELAMAT, SEJAHTERA DAN SAKSAMA.UMUM TELAH KITA KETAHUI DAN DAPAT MELIHAT HASIL DARIPADANYA. DEFISIT BAJET, INFLASI DAN KADAR PENGANGGURAN NEGARA KEKAL RENDAH, DAN KETEGUHAN

YANG TELAH DIBINA DALAM EKONOMI NEGARA MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENGHARUNGI KETIDAKTENTUAN GLOBAL YANG MELANDA. INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA PERANCANGAN EKONOMI NEGERA AMAT BERKESAN. BEGITU JUGA DENGAN STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK LEBUH RAYA DALAM PEMBINAAN SEPANJANG TAHUN 2016 BERJAYA MELEPASI SASARAN YANG DITETAPKAN OLEH LLM, CONTOHNYA LEBUHRAYA PANTAI BARAT SEBAGAIMANA PENCAPAIAN KPI 2016 YANG TELAH DIBENTANGKAN SEBENTAR TADI.

3. JANGKAAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI 4.3-4.5 PERATUS BAGI TAHUN INI ADALAH SESUATU YANG HANYA BOLEH DIIMPIKAN OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI EROPAH DAN AMERIKA UTARA. KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA HARUS BERBANGGA DENGAN PERTUMBUHAN YANG DIKECAPI INI. SEPERTIMANA MEREKA JUGA SEHARUSNYA BERBANGGA DENGAN LAPORAN TERBARU INTERNATIONAL MONETARY FUND (IMF) YANG MENYATAKAN BAHAWA "MESKIPUN BERDEPAN HALANGAN, EKONOMI MALAYSIA TERUS MENUNJUKKAN PRESTASI CEMERLANG."

4. SAYA PERCAYA TERDAPAT JUGA RUMUSAN PAKAR-PAKAR IMF DAN ANGKA PERTUMBUHAN KDNK MUNGKIN KELIHATAN ASING BUAT KEBANYAKAN DARI KITA. NAMUN ADALAH DIMAKLUMKAN KERAJAAN AMAT KOMITED UNTUK MERINGANKAN BEBAN MEREKA YANG ADA

MASANYA MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MEMBERI KEHIDUPAN YANG BAIK KEPADA KELUARGA MEREKA.

5. INILAH SEBABNYA MENGAPA DALAM BAJET 2017 KERAJAAN TELAH MEMBERI PERHATIAN KHUSUS KEPADA KEPERLUAN GOLONGAN B40 DAN M40, DAN MENGUMUMKAN PELBAGAI LANGKAH UNTUK MEMASTIKAN TIADA SIAPA YANG KETINGGALAN – DARI RUMAH MAMPU MILIK BARU, KEPADA PELEPASAN CUKAI DAN PAKEJ MAKANAN BERKHASIAH BAGI RATUSAN RIBU KANAK-KANAK SEKOLAH.

6. USAHA-USAHA KITA, UNTUK MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA, ADALAH BERTUNJANGKAN KOMITMEN DAN TADBIR URUS YANG BAIK. SEBAGAI INDIVIDU DALAM PERKHIDMATAN AWAM KITA TELAH, SEDANG DAN HENDAKLAH SENTIASA MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN MEMASTIKAN BAHAWA PERUNTUKAN KERAJAAN DIGUNAKAN DENGAN CARA YANG PALING BERMAKNA.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

ISU-ISU KESELAMATAN DILEBUHRAYA

LORONG MOTORSIKAL

7. KESELAMATAN PENGGUNA LEBUH RAYA SENTIASA MENJADI AGENDA UTAMA KERAJAAN. SELAIN DARIPADA PEMANDU KENDERAAN, MOTORSIKAL JUGA MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PENGGUNA LEBUH RAYA YANG BERSIKO TINGGI TERLIBAT KEMALANGAN. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PADA OGOS 2016 MENTERI KERJA RAYA, DATO' SRI FADILLAH YUSOF, 'TURUN GELANGGANG' MEMBONCENG SENDIRI KENDERAAN DUA RODA BAGI MENYELAMI MASALAH YANG DIHADAPI PENGGUNA LORONG MOTOSIKAL DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR-PETALING JAYA), YANG DIKATAKAN MASIH BELUM DIATASI. BERDASARKAN TINJAUAN TERSEBUT, LORONG MOTOSIKAL PERLU PENAMBAHBAIKAN AGAR IANYA LEBIH SELESA DAN SELAMAT KEPADA PENGGUNA. ANTARANYA LORONG YANG SEMPIT, KEJADIAN BANJIR MESKIPUN SUDAH DILETAKKAN PAM BAGI MENGEPAK AIR KELUAR, TEROWONG GELAP, SENI TAMAN TIDAK DISELENGGARA, SEMAK SAMUN DAN KURANG PAPAN TANDA. SEJUMLAH PERUNTUKAN SEBANYAK RM11 JUTA TELAH DIBELANJAKAN BAGI MEMBINA JEJAMBAT UNTUK KEGUNAAN MOTOSIKAL DI KAWASAN-KAWASAN YANG KERAP BANJIR.

8. PENAMBAHBAIKAN LORONG MOTOSIKAL LEBUHRAYA INI JUGA MELIBATKAN JAJARAN LEBUHRAYA PLUS DAN LEBUHRAYA SPRINT. KERJA – KERJA PENAMBAHBAIKAN INI SEDANG DILAKSANAKAN DAN IANYA HENDAKLAH DIPANTAU DAN SIAP DALAM TEMPOH TERDEKAT KERANA JAJARAN LORONG MOTOSIKAL DIBAWAH SELIAAN JKR TELAH DISIAPKAN SEPENUHNYA MEMANDANGKAN MENTERI KERJA RAYA AKAN MENGADAKAN LAWATAN DALAM MASA TERDEKAT. SAYA PERCAYA PELAKSANAAN KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN YANG MEMENUHI SPEKSIKASI DAN BERKUALITI PASTINYA AKAN MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA PENGGUNA.

AMALAN KERJA SELAMAT DI TAPAK BINA

9. AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994, AKTA KILANG DAN JENTERA SERTA AKTA CIDB (PINDAAN) 2011 MERUPAKAN AKTA UTAMA YANG TELAH DIWARTAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN YANG BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN KESELAMATAN, KESIHATAN, DAN KEBAJIKAN PEKERJA TERLINDUNG DARI RISIKO YANG WUJUD SEMASA AKTIVITI ATAU PROSES KERJA DILAKUKAN. SEHUBUNGAN ITU, LLM SEBAGAI AGENSI KAWAL SELIA LEBUH RAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN SETIAP PROJEK LEBUH RAYA YANG DIJALANKAN DAPAT DISIAPKAN MENGIKUT TEMPOH YANG TELAH DITETAPKAN KEPADA PIHAK KONSESI / KONTRAKTOR DI SAMPING MEMBERI PENEKANAN DAN TIDAK MENGABAIKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TAPAK BINA.

10. KOMUNIKASI DI ANTARA PEKERJA DAN MAJIKAN PERLU MENJADI MEDIUM YANG BERKESAN DI DALAM MENYAMPAIKAN SEGALA ARAHAN DAN MAKLUMAT BERKAITAN DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN. BUKAN ITU SAHAJA DENGAN ADANYA PENGURUSAN KOMUNIKASI MEDIA YANG BERKESAN DALAM ASPEK PENYAMPAIAN MAKLUMAT INSIDEN YANG MELIBATKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TERUTAMANYA KEPADA PENGGUNA DAPAT DIMINIMAKAN DAN MAKLUMAT DAPAT DISALURKAN DENGAN CEPAT DAN TEPAT.

11. KEJADIAN KEMALANGAN YANG BERLAKU PADA 4 NOVEMBER 2016 (JUMAAT) MELIBATKAN MESIN CERUCUK PROJEK PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE) YANG TUMBANG TELAH MENGHEMPAP SEBUAH KERETA MODEL PERODUA AXIA YANG MELALUI PERSIARAN ASTANA MENUJU KE JALAN MERU. MANGSA MERUPAKAN SEORANG LELAKI WARGA TEMPATAN DAN SEORANG WANITA WARGA INDONESIA TELAH DISAHKAN MENINGGAL DUNIA DITEMPAT KEJADIAN AKIBAT KECEDERAAN PARAH DI BAHAGIAN KEPALA. HASIL PEMERHATIAN DI TAPAK MENDAPATI MESIN CERUCUK TELAH TERBALIK SEMASA JENTERA TERSEBUT BERALIH KE LOKASI PEMASANGAN CERUCUK, JAMBATAN MERENTANGI JALAN PERSIARAN ASTANA. INI ADALAH MERUPAKAN KEJADIAN PALING TRAGIS BAGI TAHUN 2016 DI KAWASAN PROJEK TAPAK BINA LEBUHRAYA. PENGAJARAN DARIPADA KEJADIAN INI YANG PERLU KITA BERI PERHATIAN ADALAH MENGENAI PENTINGNYA UNTUK KITA SENTIASA

MEMASTIKAN ASPEK KESELAMATAN DIUTAMAKAN DALAM MELAKSANAKAN KERJA-KERJA HARIAN SAMA ADA DI PEJABAT DAN DI TAPAK BINA KERANA MALANG TIDAK BERBAU.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

CABARAN MENGEKALKAN PERKHIDMATAN TERBAIK

12. TIDAK DINAFIKAN BAHAWA LEBUH RAYA DI MALAYSIA ADALAH ANTARA YANG TERBAIK DI ASIA YANG MANA IANYA MENJADI KEBANGGAAN NEGARA. JESTERU ITU ADALAH MENJADI CABARAN KEPADA LLM YANG DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMANTAU DAN MENGAWASI KESEMUA LEBUH RAYA BERTOL DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA UNTUK TERUS MENGEKALKAN PRESTASI PERKHIDMATAN TERBAIK.

13. ANTARA FAKTOR-FAKTOR YANG DIAMBIL KIRA DALAM MENGUKUR PERKHIDMATAN TERBAIK SESEBUAH LEBUH RAYA ADALAH TAHAP KEPUASAN PENGGUNA MERANGKUMI KELANCARAN PERJALANAN, KESELESAAN DAN KESELAMATAN DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN TAMBAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KONSESI. DALAM HAL INI LLM MENGHADAPI CABARAN UNTUK MEMASTIKAN SYARIKAT KONSESI SENTIASA MENGUTAMAKAN KEPUASAN KEPADA PENGGUNA KHUSUSNYA DALAM SITUASI EKONOMI DUNIA YANG TIDAK MENENTU KETIKA INI.

14. PEMANTAUAN TERHADAP PEMATUHAN PERJANJIAN YANG TELAH DIMETERAI ANTARA SYARIKAT KONSESI DENGAN KERAJAAN HARUS DIPATUHI SEPANJANG MASA OLEH KEDUA-DUA PIHAK DALAM USAHA MENJADIKAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA DI NEGARA INI SENTIASA BERADA DI TAHAP YANG TINGGI.

15. DI SINI KITA PERLU MENYEBARLUASKAN DAN MEWAR-WARKAN PENCAPAIAN, PENAMBAHBAIKAN DAN PEMBAHARUAN DILAKSANAKAN MELALUI MEDIA SOSIAL SEBAGAI JARINGAN KOMUNIKASI DENGAN RAKYAT. DENGAN ITU, RAKYAT AKAN MEMPEROLEHI MAKLUMAT DAN BERITA YANG TEPAT, CEPAT DAN BETUL DARI SUMBER YANG SAH. SECARA TIDAK LANGSUNG IA DAPAT MEMBENDUNG PENYEBARAN BERITA-BERITA PALSU DAN FAKTA YANG TIDAK BERASAS YANG BERPOTENSI MENJEJASKAN IMEJ BAIK JABATAN.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

PORTAL BARU LLM

16. UNTUK MAKLUMAN HADIRIN SEKALIAN, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN AGAR SETIAP AGENSI KERAJAAN MEMPUNYAI PORTAL RASMI MASING-MASING. SEMUA AKTIVITI, PENCAPAIAN DAN PERKHIDMATAN AKAN MENJADI LEBIH MUDAH DIAKSES DENGAN ADANYA PORTAL INI.

17. KANDUNGAN DAN TADBIR URUS PORTAL AGENSI KERAJAAN SENTIASA DIPANTAU OLEH MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION SDN. BHD (MDEC) BAGI MEMASTIKAN PORTAL AGENSI KERAJAAN SENTIASA DIKEMASKINI, BERSIFAT INTERAKTIF, DINAMIK DAN MESRA PENGGUNA. MDEC JUGA MELAKSANAKAN PENILAIAN TERHADAP PROTAL MELALUI **PROVIDER BASED EVALUATION (PROBE)** YANG BERMULA PADA 04 NOVEMBER 2016.

18. UNTUK MAKLUMAN WARGA LLM, PORTAL LLM TELAH DITAMBAHBAIK BAGI MEMENUHI KRITERIA PROBE TERUTAMANYA MEMAPARKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT BERKAITAN LEBUH RAYA SEPERTI STATUS TRAFIK SEMASA (TWITTER), KAMERA CCTV LEBUH RAYA DAN KADAR TOL SEBAGAINYA.

19. PENEKANAN PEMBANGUNAN PORTAL LLM YANG BARU ADALAH PADA DESIGN ANTARA MUKA LAMAN UTAMA BAGI MENARIK MINAT ORANG AWAM UNTUK MENGAKSES PORTAL LLM. INI KERANA PADA KEBIASAANNYA PORTAL LLM AKAN MENDAPAT HITS YANG TINGGI SEWAKTU MUSIM PERAYAAN DISEBABKAN ORANG AWAM MENGAKSES PORTAL LLM UNTUK MENDAPATKAN STATUS MAKLUMAT TRAFIK TERKINI.

20. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MEMBANGUNKAN PORTAL BARU LLM INI DAN PADA HARI INI JUGA, KITA AMAT BERBESAR HATI KERANA AKAN DAPAT MENYAKSIKAN SECARA RASMINYA PELANCARAN PORTAL BARU LLM INI.

SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

INDEKS PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

21. SEBAGAIMANA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEBENTAR TADI, PENCAPAIAN KPI LLM BAGI TAHUN 2016 TELAH MELEPASI SASARAN YANG DITETAPKAN IAITU 95%. PENCAPAIAN INI BUKAN HANYA DARI SATU PIHAK TETAPI IA MERUPAKAN KERJASAMA DAN KOMITMEN BERTERUSAN DARI SEMUA WARGA LLM.

22. SAYA MEWAKILI PENGURUSAN LLM AMAT BERTERIMA KASIH ATAS KERJA KERAS TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN INI. ADALAH MENJADI HASRAT PENGURUSAN UNTUK MENGHARGAI USAHA DAN SUMBANGAN YANG TELAH DIBERIKAN DALAM BENTUK PEMBERIAN IMBUHAN TAHUNAN KEPADA SEMUA WARGA LLM. CADANGAN PEMBERIAN IMBUHAN TAHUNAN SEBANYAK SEBULAN GAJI AKAN DIANGKAT KEPADA MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH.

23. DIHARAPKAN INI MENJADI PENDORONG DAN SEMANGAT KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK TERUS MENGGEMBLENG TENAGA DAN MENYUMBANG BAKTI BAGI MENINGKATKAN PRESTASI CEMERLANG PADA TAHUN INI. PENETAPAN KPI 2017 ADALAH LEBIH MENCABAR DAN MEMERLUKAN KESATUAN YANG JITU DI KALANGAN WARGA LLM UNTUK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

DEMI KESEJAHTERAAN PENGGUNA LEBUHRAYA KHUSUSNYA DAN RAKYAT AMNYA.

PENUTUP

SAYA HARAP SEMUA WARGA LLM TERUS BERSATU PADU DALAM SEMANGAT KEKITAAN DAN SEMOGA TAHUN BARU BUATKAN KITA SEMUA GEMBIRA, SELAMAT DAN SEJAHTERA.

BAGI MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENYERU DAN MENGINGATKAN WARGA LLM SUPAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN MOMENTUM KECEMERLANGAN DAN BERKUALITI DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK. SEMOGA KITA BEROLEH MANFAAT DAN PENGETAHUAN YANG BERGUNA MELALUI PERHIMPUNAN PADA PAGI INI. SEKIAN, WABILLAHITAUFIQ WALHIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.